

SALUTASI

Saudara/I Pengacara Majlis;

YH. Prof. Dato' Dr. Yuserrie Bin Zainuddin

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP

YBrs. Encik Abd Hamid Bin Majid

Pendaftar UMP

YBhg. Encik Zainudin Bin Othman

Bendahari UMP

Dekan-Dekan

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar

Ketua-Ketua Jabatan

Pegawai-Pegawai UMP

Atlit-Atlit Sukan Antara Fakulti yang diraikan

Tuan-tuan, puan-puan serta para atlet sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

KATA PEMBUKA

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini bagi mengadakan Malam Perasmian Sukan Antara Fakulti 2016.
2. Terlebih dahulu, suka saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa pelaksana kerana sudi menjemput saya ke majlis ini. Saya rasa amat bangga dapat bertemu dengan para atlet yang telah mengharumkan nama UMP di persada sukan tanah air & antarabangsa.

PENGLIBATAN DALAM SUKAN

3. Sukan Antara Fakulti ini telah memasuki edisi 2016 diadakan ini akan melakar sejarah dan memahat bukti komitmen kita terhadap perkembangan sukan di UMP. Ini adalah wadah kita bagi meningkatkan penglibatan para atlet dalam menyumbangkan nama universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.
4. Seperti yang sedia maklum, pada tahun 2015 Atlit UMP telah merangkul 11 EMAS, 15 PERAK & 22 GANGSA di 10 Kejohanan Utama KPT & Karnival

Sukan MASUM 2015. Jumlah pungutan pingat ini lebih tinggi berbanding pada tahun 2014. Kejayaan ini adalah usaha atlit-atlit kita yang telah berpenat lelah menjalani latihan sepanjang tahun. Pada Ogos yang lalu, atlit UMP telah meraih 3 PERAK & 2 GANGSA di Sukan MASUM bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

5. Sukan Antara Fakulti 2016 ini akan diadakan pada sepanjang Oktober 2016 bertempat di Kompleks Sukan UMP Gambang dan juga UMP Pekan. Sukan Antara Fakulti ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Pelajar bersama Pusat Sukan UMP & Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Terdapat 11 acara sukan yang akan dipertandingkan di Sukan Antara Fakulti 2016. Antaranya adalah bola baling, tenpin boling, bola tampar, catur campuran, ping pong campuran, badminton, petanque, lawnbowl, woodball, bola keranjang & sepak takraw. Seramai 1395 mahasiswa akan mewakili fakulti masing-masing pada Sukan Antara Fakulti 2016 ini.
6. Program kesukanan yang berterusan ini juga bertujuan sebagai landasan untuk pembangunan sukan di kalangan pemain yang berbakat ke peringkat IPT dalam melahirkan 30% pemain Negara datangnye dari IPT.

Tuan-tuan, puan-puan serta para atlet sekalian,

7. Penglibatan pelajar UMP di dalam sukan juga akan melatih para peserta bagi mencapai matlamat pembangunan sukan itu sendiri & untuk meneliti aspek-aspek dan kepentingan sukan di peringkat tinggi bagi mencari pemain pelapis UMP.
8. Penglibatan di kejohanan dalam mahupun luaran perlu dipertingkatkan lagi jika kita mahu nama universiti & negara kita harum dan gah di kejohanan-kejohanan berprestasi tinggi yang kita akan sertai. Bermula di peringkat sekolah, kita akan membuka ruang ke peringkat IPT dan seterusnya peringkat antarabangsa.
9. Disamping itu, malam ini turut menyaksikan perbarisan & lintas hormat dari 13 kontinjen terdiri daripada 9 Fakulti, PALAPES Laut, PALAPES Udara , SUKSIS diikuti oleh kontinjen dari Majlis Sukan Pelajar. Tidak dilupakan juga bacaan ikrar, larian obor dari wakil-wakil fakulti dan upacara menaikkan bendera oleh PALAPES Laut.
10. Penglibatan pelajar secara aktif dan konsisten dalam sukan selain menguatkan fizikal mereka secara tidak langsung juga dapat membantu mengurangkan tekanan semasa belajar. Kita mahukan pelajar yang bersifat holistic, berdaya saing dan maju dalam pelbagai bidang.
11. UMP telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pencapaian sukan di IPT agar ianya selaras dengan kecemerlangan akademik. Usaha-

usaha yang dirancang dan dilaksanakan ini bukan sahaja untuk meningkatkan kecemerlangan dikalangan atlet Negara yang berada di IPT, tetapi juga melibatkan pembangunan penyelidikan sukan yang dilaksanakan oleh pensyarah-pensyarah yang berada di IPT. Keseimbangan pembangunan kedua-dua perkara ini dilihat akan dapat mempertingkatkan lagi pencapaian sukan di IPT dan seterusnya Negara. Hal ini juga seterusnya dapat membantu hasrat kerajaan untuk menjadikan sukan sebagai satu industri yang dapat mengembangkan potensi modal insan dalam pelbagai perkara lain.

Tuan-tuan, puan-puan serta para atlet sekalian,

HARAPAN

12. Pihak universiti sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh Majlis Sukan Pelajar, Pusat Sukan UMP dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dalam membawa perubahan kepada pembangunan sukan di UMP & IPT. Dengan adanya Kompleks Sukan dan beberapa gelanggang sukan di kedua-dua kampus merupakan permulaan kepada komitmen padu pihak universiti terhadap kemajuan sukan. Prasarana ini akan dipertingkatkan dan diperbanyakkan dari semasa ke semasa sejajar dengan keperluan sukan masa kini.
13. Saya berharap dekan-dekan fakulti memberi sokongan penuh kepada atlet-atlet mereka yang mewakili fakulti masing-masing di kejohanan ini samada

dalam bentuk sokongan moral, kewangan & penglibatan pensyarah-pensyarah fakulti.

14. Sukan adalah satu aktiviti yang memerlukan latihan yang konsisten. Kemudahan yang telah disediakan perlulah dijaga supaya lebih ramai dapat menggunkannya pada masa yang akan datang.

15. Binalah kecemerlangan dalam bidang sukan ini, moga lebih banyak kejayaan akan diraih pada masa akan datang.

Tuan-tuan, puan-puan serta atlet sekalian,

PENUTUP

16. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah mencurahkan khidmat dan tenaga untuk menjayakan malam ini. Dengan kepercayaan yang telah diberikan, saya berdoa mudah-mudahan para atlit dapat memperoleh kemenangan dan mencapai matlamat yang telah dihasratkan oleh UMP pada tahun 2016. Dengan lafaz *bismillahi Rahmani Rahim*, saya merasmikan Sukan Antara Fakulti 2016.

17. Saya sudahi ucapan saya dengan harapan UMP terus menyumbang pingat pada tahun-tahun mendatang.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.